

Rumah RM42,000 bagi gaji bawah RM2,500

B/H 9/8/2011 ms 19.

Pemaju swasta perlu sedia 30 peratus kuota RHR

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
tuty@bharian.com.my

SEREMBAN: Golongan berpendapatan rendah di negeri ini berpeluang memiliki rumah bernilai RM42,000 ditawarkan kerajaan negeri menerusi projek Rumah Harga Rendah (RHR).

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan, berkata projek itu dikhususkan kepada golongan berpendapatan RM2,500 ke bawah.

Beliau berkata, kerajaan negeri turut mengenakan syarat 30 peratus daripada projek perumahan dilaksanakan kepada pemaju swasta diperuntukkan kepada RHR.

“Menerusi syarat ini, golongan berpendapatan rendah yang layak akan berpeluang memiliki rumah sendiri,” katanya ketika menjawab soalan lisan Datuk Awaludin Said (BN-Kota) pada Persidangan Kedua Penggal Keempat DUN Ke-12 di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata,



Golongan berpendapatan rendah yang layak akan berpeluang memiliki rumah sendiri



Mohamad Hasan
Menteri Besar Negeri Sembilan

golongan berpendapatan rendah turut ditawarkan menyewa atau memiliki rumah melalui Program Perumahan Rakyat (PPR) yang dilaksanakan Jabatan Perumahan Negara (JPN).

Beliau berkata, sehingga Jun lalu, JPN membina 420 unit rumah PPR di Senawang dekat sini, untuk disediakan, manakala 150 unit lagi dalam pembinaan di Ladang Siliau, Port Dickson untuk dijual kepada mereka yang layak.

“Golongan berpendapatan rendah yang mempunyai tanah sendiri pula, mereka boleh memohon bantuan Skim Pinjaman Perumahan (SPP) JPN.

“Skim ini menawarkan pinjaman maksimum hingga RM20,000 bagi membina rumah dengan tempoh bayaran balik maksimum sehingga 20 tahun,” katanya.

Beliau berkata, pinjaman bagi RM10,000 yang pertama tidak akan dikenakan caj, manakala RM10,000 yang kedua hanya dikenakan caj empat peratus.